



**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**  
Bahagian GST  
Tingkat 4, Menara Kastam Johor  
Karung Berkunci no. 780  
80990 Johor Bahru  
**JOHOR DARUL TAKZIM**  
MALAYSIA.



Telefon : +07 2225666  
Faksimili : +07 2275855  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

---

Rujukan Kami : KE.JB(121)515/09(24)  
Tarikh : 04 Syaaban 1437H  
11 Mei 2016

Pengarah Kastam Negeri  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Wisma Kastam Ayer Keroh,  
Peti Surat 92,  
Lebuh Ayer Keroh,  
75450 Melaka

YBhg. Dato,

**DIALOG KHAS TIMBALAN KETUA PENGARAH KASTAM (PERKASTAMAN DAN GST)  
BERSAMA WAKIL PERSATUAN PENGUSAHA RESTORAN DAN PERSATUAN  
PERUNCIT PERINGKAT ZON SELATAN (JOHOR DAN MELAKA)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada surat dari ibu pejabat ruj: KE.HF(143)515/SEKTOR II.Klt.2(29) bertarikh 04 Mei 2016 berhubung dengan perkara di atas.

2. Dimaklumkan satu sesi Dialog Khas TKPK (Perkastaman & GST) bersama Persatuan Pengusaha Restoran & Persatuan Peruncitan Peringkat Zon Selatan (Johor & Melaka) akan diadakan pada ketetapan berikut :

2.1 Tarikh : 23 Mei 2016  
2.2 Masa : 9.00 pagi – 12.30 tgh  
2.3 Tempat : Tingkat 2, Menara Kastam Larkin

3. Tujuan utama sesi dialog ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pihak persatuan untuk bersemuka dengan pucuk kepimpinan tertinggi GST bagi mengemukakan sebarang masalah, kekeliruan atau cadangan untuk penambahbaikan berkaitan GST setelah pelaksanaan GST selama 13 bulan.

4. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama daripada pihak YBhg. Dato untuk menjemput wakil persatuan pengusaha restoran dan wakil persatuan peruncit seluruh Negeri Melaka seramai 5 orang bagi setiap persatuan untuk hadir pada sesi dialog tersebut dan mengemukakan maklumbalas kepada pihak urusetia kami Pn. Eiryati binti Elias (07 – 220 2020) dan Pn. Noorhaidah binti Mohd Nor ( 07 – 220 2023) dengan menghantar

---


**BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT**

makluman kehadiran wakil persatuan melalui emel : [noonhaidah.mnor@customs.gov.my](mailto:noonhaidah.mnor@customs.gov.my)  
selewat – lewatnya pada 18 Mei 2016.

5. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

  
**(TONG HOCK SHIANG)** 11/5/2016  
Penolong Kanan Pengarah Kastam I  
Bahagian GST  
b.p Pengarah Kastam negeri  
Johor

s.k Pengarah Kastam Negeri Johor